

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, May 22, 2019 10:37 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Atlet Memanah UUM Bolot Emas Pada Pertandingan Memanah Jemputan IPTA/IPTS Malaysia 2019



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 MEI 2019 / 17 RAMADAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsuri Abdul Razak
Gambar oleh: Pusat Kokurikulum

ATLET MEMANAH UUM BOLOT EMAS PADA PERTANDINGAN MEMANAH JEMPUTAN IPTA/IPTS MALAYSIA 2019



UUM ONLINE: Pasukan memanah Universiti Utara Malaysia (UUM) telah merangkul empat pingat emas dalam Pertandingan Memanah Jemputan IPTA/ IPTS Malaysia 2019 anjuran Kelab Kokurikulum Memanah Universiti Putra Malaysia (UPM) di Lapang Sasar Memanah Kompleks Sukan UPM, baru-baru ini.

Pengarah Pusat Kokurikulum, Prof. Madya Dr. Hussin Abdullah berkata, Pusat Kokurikulum telah menghantar seramai 16 atlet memanah terdiri sembilan lelaki dan tujuh perempuan bersama jurulatih, Mohd Shubanthirio Mohd Suhaimi.

Menurutnya, dalam pertandingan yang berlangsung selama dua hari itu, UUM bukan sahaja merangkul empat pingat emas, malah turut memenangi tiga pingat perak dan tiga pingat gangsa.

“Bagi acara 15m kategori individu perempuan, UUM telah memenangi tempat pertama dan kedua, manakala acara 15m kategori individu lelaki, pasukan memanah berjaya meraih tempat pertama dan ketiga.

“Semantara bagi kategori individu 20m perempuan, sekali lagi atlet kokurikulum mempamerkan aksi yang mantap dengan membolot tempat pertama dan ketiga, manakala individu 20m lelaki telah berjaya memenangi tempat ketiga,” katanya.

Pertandingan tersebut turut disertai atlet dari UPM, UUM, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan politeknik.

Kategori yang dipertandingkan adalah Individu Lelaki (15m dan 20m), Individu Perempuan (15m dan 20m) dan Berkumpulan Campuran (15m dan 20m).



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.